

## TABUNG AMAL AIDILFITRI (TAA)



*"Sedikit diberi, besar ertinya, banyak ganjarannya"*

Bila tiba bulan Ramadhan, pasti kita akan ternanti-nanti terawihnya, bubur masjidnya, bazar Geylangnya dan lain-lain lagi. Bila tibanya bulan Ramadhan, kita juga pasti akan terlihat balang-balang derma Tabung Amal Aidilfitri atau lebih dikenali dengan TAA di merata bazaar.

Ramai yang mungkin mengetahui kewujudan TAA tapi mungkin tidak ramai yang tahu tentang operasi TAA yang sebenarnya. Rencana ini akan memberikan pembaca sedikit maklumat tentang TAA.



### **PERMULAAN TAA**

Usaha murni TAA ini telah bermula sejak tahun 1991 oleh Sidek Saniff yang merupakan Menteri Negara. Beliau telah menumpulkan 18 badan untuk sama-sama membantu dan bergotong-royong dalam menjadikan projek

ini sebuah kejayaan.

Yang pasti tujuan mereka menubuhkan syarikat ini adalah untuk memberikan keringanan kepada masyarakat.

Pada tahun 2005, mereka telah mendaftar syarikat mereka dan 18 badan yang telah mula-mula bergotong-royong itu bersilih ganti mengurus TAA. Antara lain, TAA mengadakan bantuan sepanjang tahun tidak seperti sebelumnya di mana mereka memberikan bantuan hanya pada sebelum dan selepas Ramadhan.

Kutipan mereka kalau nak dibandingkan pada permulaan tahun memang telahpun naik berkali-kali ganda. Jika pada tahun 1991, mereka Berjaya



mengumpulkan sekitar \$200,000, pada tahun 2010 pula mereka mendapat \$1.2 juta yang sebilangan besarnya adalah hasil kutipan bulan Ramadhan.



## TAA DAN MASYARAKAT

Sumbangan mereka adalah hasil daripada telepol amal, kutipan pada solat Jumaat dengan ihsan MUIS dan yang pasti tabung-tabung yang diletakkan di bazar-bazar Geylang dan juga kedai-kedai yang turut sama membantu. Tidak lupa jua sumbangan dari individu-individu seperti olongan VIP dan korporat.

Selain itu, rancangan amal yang disiarkan secara langsung di stesen TV12 Suria, Sinaran Hati juga banyak membantu mengukuhkan dana mereka.

Seramai 350,000 hingga 400,000 keluarga diberi bantuan oleh TAA dan bantuan tersebut diberikan seminggu ataupun 10 hari sebelum lebaran. Mereka mendapat bantuan dari TAA ini menerusi boring permohonan yang ada di masjid-masjid tempatan dan juga di internet.

Bercakap tentang pengalaman Pengarah Eksekutif TAA, Encik Anuar Yusop yang telah sudi sama-sama berkongsi maklumat tentang TAA kepada pembaca *Perjalanan Suci*, katanya, “saya agak terharu mendapat sokongan daripada Perdana Menteri, Encik Tharman Shanmugaratnam dan lainnya dalam menjadi tetamu kehormat di acara-acara kami.

Ia semacam satu penghormatan buat TAA.”

Cabaran yang Encik Anuar hadapi pula adalah dalam mencari sukarelawan dan juga kekurangan tenaga pekerja.

Encik Anuar turut menyatakan harapannya. Katanya, “saya berharap masyarakat akan terus menyokong TAA. Tanamkanlah sifat menderma kepada kanak-kanak agar apabila mereka dewasa nanti, mereka akan membantu golongan yang kekurangan ini.”

Anda yang ingin menderma bolehlah melakukannya dengan membuat telepol amal di talian 1900-112 90 50 bagi derma \$50 ataupun 1900-112 90 10 bagi derma \$10.



390 Victoria Street, #01-26/30 Golden Landmark Singapore 188061 Email: [shahidahtravel@pacific.net.sg](mailto:shahidahtravel@pacific.net.sg)  
Tel: (+65) 6299 2345 (Haj/Umrah) (+65) 6291 4555 (Tours/Ticketing) Fax: (65) 6299 1235

\*Gambar-gambar dalam artikel ini diambil dari laman web TAA <http://www.taa.org.sg/main.asp>